

Silat Cekak dijadikan kokurikulum

Ia bertunjangkan akidah: Anwar

KUALA LUMPUR, Ahad — Silat Cekak akan dijadikan satu gerakan kokurikulum (gerko) di sekolah menengah di seluruh negara bagi membangkitkan semangat cinta-warisan budaya negara di kalangan pelajar.

Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim ketika mengumumkan demikian berkata, kementerianya juga akan memberikan sokongan penuh kepada kegiatan mengembangkan seni mempertahankan diri itu di negara ini. *Anwar / Silat*

"Gerakan kokurikulum yang bertunjangkan akidah seperti Silat Cekak sangat penting bagi melahirkan generasi muda yang beriman serta sentiasa insaf terhadap sejarah bangsa dan negara.

Masih - Pelajar
"Ia juga akan dapat mengumpulkan anak bangsa dalam satu persatuan ilmu seni mempertahankan diri yang tidak menyeleweng daripada akidah, budaya dan akhlak," katanya di majlis perayaan 21 tahun Persatuan Silat Cekak hari ini.

Oleh SAODAH ELIAS

Katanya ketiadaan gerakan kokurikulum seperti itu sebelum ini menyebabkan ramai cendekiawan dan golongan profesional Melayu ketika ini bersikap bongkak dengan kejayaan masing-masing dan terputus terus daripada arus perjuangan bangsa.

Beliau berkata, kerana kejahilan mereka mengenai warisan serta sejarah bangsa golongan berkenaan juga sanggup memperkecilkan bahasa dan budaya Kebangsaan.

**Bongkak
- 7 SEP 1987**

Katanya, tidak ada gunanya kerajaan memberi peluang kepada anak bangsa menimba setinggi-tinggi ilmu sekiranya generasi yang lahir kelak hanya generasi angkuh yang tidak bermoral serta ter-sisih daripada budaya masyarakat.

Menurut Encik Anwar, Silat Cekak adalah antara seni mempertahankan diri yang bebas daripada kepercayaan

tahyul dan khurafat serta mengandungi keindahan budaya disiplin yang sentiasa mengutamakan ketinggian akhlak di kalangan pengikutnya.

B. Harian (M

Katanya, gerakan kokurikulum yang berlandaskan akidah dan menghidupkan warisan budaya Melayu seperti itu akan dapat membantu usaha kerajaan melahirkan generasi muda yang beriman dan peka terhadap sejarah.

Kerana kegiatannya yang sentiasa merujuk kepada akidah itulah maka Kementerian Pendidikan mengambil keputusan memberikan sokongan terhadap semua pihak mengembangkan seni silat itu di kalangan belia Melayu, katanya.

Menurut Encik Anwar, semua pihak juga bertanggungjawab membantu mengekalkan keindahan budaya disiplin dan ketinggian akhlak yang dianjurkan oleh seni Silat Cekak itu bagi membina masyarakat yang beriman.